

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

(Baca Helaiian Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mendapatkan Pinjaman High Tech and Green Facility (HTG). **Pastikan anda juga membaca terma surat tawaran.** Dapatkan penjelasan daripada kami jika anda tidak memahami mana-mana bahagian daripada dokumen ini atau terma dan syarat am.)

United Overseas Bank (Malaysia) Bhd
(No. Pendaftaran 199301017069) (271809-K))

Produk: Pinjaman High Tech and Green Facility (HTG)

Tarikh:

1. Apakah ciri-ciri produk ini?

Produk ini ialah pembiayaan bertempoh tidak bercagar untuk membantu anda memenuhi keperluan modal kerja perniagaan anda. Pembiayaan ini diberikan atas dasar kadar tetap sepanjang tempoh pinjaman / Tempoh Pembayaran Balik.

2. Apa yang saya perolehi daripada produk ini?

Ilustrasi:	Perkara	Keterangan
	Amaun pembiayaan	RM <Total Amount Borrowed>
	Tempoh Pembayaran Balik	<Tenure Applied> bulan
	Kadar Ditetapkan:	<Fixed Rate in %> kadar tetap setahun

3. Apakah tanggungan saya?

Bayaran ansuran bulanan Pinjaman adalah tetap dan jumlah faedah yang dikenakan adalah berasaskan kadar tetap yang ditetapkan sepanjang Tempoh Pembayaran Balik

Ilustrasi:	Tanggungan	Kadar Ditetapkan
	Ansuran Bulanan	RM< >
	Jumlah Faedah Dikenakan	RM< >

4. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

- **Duti Setem** – Menurut Akta Duti Setem 1949
- **Yuran Guaman** – Perlu dibayar kepada peguam yang mengendalikan dokumentasi tambahan (jika ada) bagi Pinjaman.
- **Yuran & Caj Lain** – Sila rujuk kepada surat tawaran yang dikeluarkan oleh Bank dan laman web korporat Bank @ www.uob.com.my untuk butiran lanjut.

5. Bagaimana jika saya gagal memenuhi tanggungan saya?

- **Kadar Faedah Ingkar** – 1% setahun bagi sebarang ansuran yang tertunggak. Kadar Faedah Lalai (atau mana-mana kadar lain yang boleh dikenakan oleh Bank pada bila-bila masa mengikut budi bicara Bank) akan dikenakan ke atas semua jumlah yang masih tertunggak dan perlu dibayar kepada Bank termasuk faedah, yuran, komisen dan caj yang tidak dibayar apabila tiba tempoh. Kadar Faedah Lalai akan dikenakan dari tarikh kegagalan bayaran sehingga tarikh pembayaran penuh, sama ada selepas atau sebelum sebarang tuntutan atau penghakiman, dan walaupun hubungan antara pihak Bank dan pelanggan telah berakhir.
- **Hak untuk tolak selesai** – Bank berhak untuk menolak selesai sebarang baki kredit dalam akaun anda yang disenggarakan dengan kami untuk menjelaskan sebarang baki tertunggak dalam akaun pinjaman ini.
- **Hak memulakan proses kutipan hutang atau tindakan undang-undang** – Bank boleh mengambil tindakan undang-undang atau melaksanakan haknya di bawah Pinjaman dan memulakan proses kutipan hutang/tindakan undang-undang terhadap anda dan/atau penjamin (jika berkenaan) jika anda gagal mengambil tindakan selepas menerima notis peringatan. Sila ambil perhatian bahawa tindakan undang-undang terhadap anda mungkin menjejaskan penarafan kredit atau menimbulkan kos tambahan ke atas anda.
- **Hak untuk menolak / menarik balik** pembiayaan – Bank berhak untuk menolak atau menarik balik Pinjaman yang diberikan kepada anda sekiranya terdapat sebarang tanda menunjukkan perubahan dalam kelayakan kredit anda atau keupayaan anda membayar balik Pinjaman menurut terma dan syaratnya.

6. Bagaimana jika saya menjelaskan Pinjaman sepenuhnya sebelum tarikh matang?

Anda boleh menjelaskan Pinjaman secara sepenuhnya sebelum akhir tempoh dengan memberi kami notis bertulis satu(1) bulan (atau tempoh notis lain yang kami tetapkan pada bila-bila masa), atau dengan membayar faedah bagi tempoh notis tersebut sebagai ganti notis.

7. Adakah saya memerlukan penjamin atau cagaran?

Pinjaman High Tech and Green Facility adalah tanpa cagaran, dengan jaminan diperolehi daripada pemegang saham atau pengarah. Namun begitu, Bank berhak untuk mendapatkan jaminan tambahan, yang mungkin termasuk tetapi tidak terhad kepada Deposit Tetap, bergantung kepada penilaiannya.

8. Adakah saya boleh melantik firma guaman bukan daripada panel Bank?

Untuk mengelakkan sebarang kelewatan dalam penyediaan dokumentasi pinjaman, anda amat digalakkan untuk melantik firma guaman di bawah panel Bank. Anda boleh melantik mana-mana firma guaman bukan daripada panel Bank, dengan syarat firma tersebut memenuhi kriteria pelantikan yang ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa.

9. Apa yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan kepada butiran hubungan saya?

Anda perlu memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan kepada butiran hubungan anda untuk memastikan bahawa semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya. Anda boleh berbuat demikian menerusi cawangan yang mengendalikan akaun anda, menghubungi Pengurusan Hubungan UOB atau Pusat Perkhidmatan Perbankan Perniagaan di (6) 03-2616 6800.

10. Di mana saya boleh mendapatkan bantuan atau penyelesaian?

- Jika anda menghadapi masalah membuat pembayaran balik, sila hubungi Bank secepat mungkin untuk membincangkan alternatif pembayaran balik. Anda boleh menghubungi Pengurus Akaun UOB atau menghubungi kami seperti yang dinyatakan di atas.

- Jika anda ingin mengemukakan aduan berkaitan produk atau perkhidmatan Bank, anda boleh berbuat demikian secara bertulis kepada kami menerusi e-mel ke uobcustomerservice@uob.com.my, atau dengan menghubungi Pusat Panggilan UOB 24 jam di nombor di bawah. Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan dengan cara yang memuaskan oleh pihak kami, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK seperti yang tersenarai.

Kuala Lumpur	(6) 03-26128 121
Pulau Pinang	(6) 04-2401 121
Johor Bahru	(6) 07-2881 121
Kuching	(6) 082-287 121
Kota Kinabalu	(6) 088-477 121

- Jika anda ingin mengemukakan aduan berkaitan produk atau perkhidmatan Bank, anda boleh berbuat demikian secara bertulis kepada kami menerusi e-mel di uobcustomerservice@uob.com.my, atau dengan menghubungi Pusat Panggilan UOB 24 jam di nombor di bawah. Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan dengan memuaskan oleh pihak kami, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:

Blok D, Bank Negara Malaysia
Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur.

Tel: 1-300-88-5465
Faks: 03-21741515
E-mel: bnmtelelink@bnm.gov.my

11. Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

- Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan tentang produk dan perkhidmatan Bank, sila kunjungi cawangan UOB terdekat kami atau log masuk ke www.uob.com.my untuk maklumat lanjut. Jika anda mempunyai apa-apa pertanyaan, sila hubungi Pasukan Libat Urus Perbankan Perniagaan UOB dari Isnin hingga Jumaat (9.00 pg hingga 5:30 ptg) di (6)03-2616 6800 kecuali cuti umum.

12. Pakej pinjaman lain yang disediakan

- Sila hubungi Pengurus Akaun anda untuk butiran lanjut.

NOTA PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA JIKA ANDA TIDAK MENERUSKAN PEMBAYARAN BALIK PINJAMAN HIGH TECH AND GREEN FACILITY ANDA.